

NO SOALAN :53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2015

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula GST yang ternyata telah membebankan kehidupan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST adalah bertujuan untuk menyusun semula sistem cukai kepenggunaan negara

supaya menjadi lebih telus, efisien dan mesra peniaga. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira kedudukan semasa sosio ekonomi rakyat Malaysia demi memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minima kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Hasrat dan objektif tersebut adalah jelas di mana pelbagai barang dikenakan GST pada kadar sifar sementara perkhidmatan asas dikecualikan dari GST supaya tidak menanggung sebarang komponen GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan dan ubat-ubatan yang dikenakan GST pada kadar sifar. Bekalan air dan elektrik bagi kegunaan domestik juga dikenakan GST pada kadar sifar. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan serta pembelian rumah kediaman juga dikecualikan dari GST. Kerajaan telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberi pelepasan GST.

Kerajaan juga telah menyediakan pakej bantuan pelaksanaan GST seperti berikut:

- i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas penerima bantuan BR1M

sedia ada. Dalam Bajet 2016, satu kategori baru untuk kelayakkan penerimaan BR1M juga telah diwujudkan iaitu penerima bantuan di bawah e-Kasih;

- ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan melalui pengumuman Bajet 2015 iaitu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang dahulunya perlu membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai pendapatan. Sementara itu, cukai pendapatan individu juga telah distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25% mulai tahun taksiran 2015; dan
- iii. Melalui cadangan Bajet 2016 pula, bagi memastikan struktur cukai pendapatan yang lebih progresif, dua banjaran pendapatan cukai baharu telah diwujudkan iaitu pendapatan daripada RM600,001 hingga RM1 juta dengan kadar cukai 26% dan pendapatan melebihi RM1 juta dengan kadar cukai 28% berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat dan dengan itu

pelbagai langkah telah diambil dan inisiatif baru telah diumumkan dalam Bajet 2016 antaranya meningkatkan jumlah pelepasan cukai pendapatan individu seperti pelepasan anak yang dinaikkan dari RM1,000 setiap orang anak kepada RM2,000 yang dapat membantu meningkatkan pendapatan boleh guna pembayar cukai.

Selain itu, Dalam pembentangan Bajet 2016, Kerajaan telah mencadangkan peluasan skop pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis Ubat Terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D, serta tambahan sebanyak 95 jenama ubat *over the counter*, meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung. Ini melibatkan peningkatan dua kali ganda, dari 4,215 kepada 8,630 jenama ubat. Melalui peluasan skop tersebut juga, kira-kira 72% daripada keseluruhan ubat-ubatan telah diberi layanan GST pada kadar sifar. Hanya ubat *over the counter* yang tidak tersenarai di dalam National Essential Medicines (NEM) yang masih tertakluk kepada GST.